

Nama Pelajar : \_\_\_\_\_

Tingkatan : \_\_\_\_\_



**PERTUBUHAN KEGIATAN DAKWAH ISLAMIAH  
SEKOLAH-SEKOLAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**  
**(PEKDIS CAWANGAN KELANTAN)**

---

**PEPERIKSAAN TINGKATAN 4 TAHUN 2020**

**TASAWWUR ISLAM  
Dua Jam Tiga Puluh Minit  
( 2 JAM 30 MINIT )**

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALANINI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. Kertas ini mengandungi **dua** bahagian iaitu bahagian A dan bahagian B
2. Jawab semua soalan dalam **Bahagian A** dan mana-mana **Empat soalan** pada **Bahagian B**
3. Tuliskan jawapan anda untuk **Bahagian A** di ruang yang disediakan dalam kertas soalan ini
4. Tuliskan jawapan anda untuk **Bahagian B** di kertas jawapan yang anda sediakan sendiri

Untuk Kegunaan Pemeriksa	
Bahagian	Markah
A	
B	
JUMLAH	

[20 markah]

**Soalan 1 – 4**

Tuliskan istilah yang betul bagi perkara berikut.

1. Sesuatu yang telah ditentukan oleh Allah SWT yang akan berlaku kepada makhluk-Nya sebelum makhluk itu dijadikan.

2. Akhlak terkeji yang dilarang oleh al-Quran dan al-Sunnah daripada diamalkan.

3. Taat dan patuh kepada perintah Allah SWT, meninggalkan laranganNya, beroleh kesejahteraan dan keselamatan apabila berserah kepadaNya.

4. Dalil yang bersumberkan nas al-Quran dan al-Sunnah.

**Soalan 5 – 8**

Lengkapkan pernyataan berikut dengan jawapan yang betul.

5. Kita hendaklah mengamalkan Islam sebagai \_\_\_\_\_ dan melaksanakan tuntutannya dalam kehidupan.


6. Rasulullah SAW diutuskan kepada manusia adalah untuk menyempurnakan \_\_\_\_\_ yang baik.

7. Allah SWT akan meniupkan \_\_\_\_\_ ke dalam tubuh janin yang berumur empat bulan.

8. Asal usul kejadian insan adalah bermula daripada penciptaan \_\_\_\_\_ yang berasal daripada tanah.

**Soalan 9 hingga soalan 12**

Lengkapkan jadual di bawah dengan jawapan yang betul.

**Soalan 13 - 16**

Tandakan ( ✓ ) pada pernyataan yang betul.

Tandakan ( ✗ ) pada pernyataan yang salah.

13. Cara melaksanakan solat telah diuraikan dan ditunjukkan contoh secara terperinci melalui al-Quran.

14. Allah SWT mempunyai 20 sifat wajib, 20 sifat mustahil dan 1 sifat harus.

15. Kubur adalah salah satu daripada alam ghaib yang tidak dapat dilihat oleh manusia.

16. Alaqah ialah percantuman nutfah yang menjadi segumpal darah.

**Soalan 17 hingga soalan 20**

**Padankan** situasi berikut dengan **istilah** yang sesuai.

	SITUASI		ISTILAH
17.	Irfan takut untuk melakukan maksiat kerana yakin Allah SWT Maha Melihat setiap yang dilakukannya.	<input type="radio"/>	A Muhasabah
18.	Nurul Huda yang menduduki peperiksaan SPM telah berserah diri kepada Allah SWT setelah berusaha dengan tekun.	<input type="radio"/>	B Ihsan
19.	Damia telah menilai amalan yang dilakukan sepanjang hari dan berazam meningkatkan kebajikan.	<input type="radio"/>	C Iman
20.	Syafiq sentiasa menyeru kawan-kawannya berbuat kebaikan kerana percaya ada balasan baik di akhirat nanti.	<input type="radio"/>	D Tawakal

**BAHAGIAN B**  
**(80 Markah)**  
**Jawab empat soalan pada bahagian ini**

“ Islam ialah agama yang datang daripada Allah SWT untuk seluruh manusia”

- 1 (a) (i) Apakah yang dimaksudkan dengan Islam sebagai al-Din. [2 markah ]
- (ii) Nyatakan **dua** sebab manusia memerlukan Islam sebagai satu cara hidup yang sempurna. [4 markah ]
- (iii) Senaraikan **empat** rukun Iman sebagaimana yang termaktub dalam “Hadis Jibril”. [4 markah ]
- (b) (i) Nyatakan **dua** contoh Ihsan dalam ibadah. [4 markah ]
- (ii) Encik Rusdan sering solat tahajjud tetapi dia suka memberitahu kawan-kawannya tentang amalan tersebut. Berdasarkan situasi tersebut nyatakan tindakan yang patut anda lakukan sesuai dengan Islam sebagai al-Din. [6 markah ]

“Akidah adalah keyakinan yang teguh terhadap kewujudan Allah SWT serta sifat-sifat kesempurnaan-Nya berdasarkan dalil akli dan naqli ”

- 2 (a) (i) Senaraikan **empat** sifat mustahil bagi rasul. [4 markah ]
- (ii) Iman manusia boleh bertambah dan berkurang. Terangkan **dua** amalan yang berkaitan dengan akidah yang benar dalam Islam. [4 markah ]
- (iii) Nyatakan perbezaan antara dalil akli dan dalil nakli. [2 markah ]
- (b) (i) Setiap manusia akan mati apabila sampai ajalnya Pada pendapat anda apakah yang akan terjadi jika manusia mengingkari adanya kiamat. [6 markah ]
- (ii) Terangkan **dua** pembuktian pegangan akidah yang benar dalam kehidupan. [4 markah ]

Maksud ayat “Aku tidak menciptakan jin dan manusia kecuali untuk menyembah-Ku” (Surah Al-Dzariyat : 51-56)

- 3 (a) (i) Apakah maksud ibadah dalam Islam. [2 markah ]
- (ii) Jelaskan perbezaan antara fardhu ain dan fardhu kifayah beserta contoh. [4 markah ]
- (iii) Jelaskan **dua** syarat sesuatu ibadah itu diterima oleh Allah SWT. [4 markah ]
- (b) (i) Senaraikan **empat** asnaf yang berhak menerima zakat. [4 markah ]
- (ii) Jelaskan cara untuk meningkatkan kualiti ibadah supaya diterima oleh Allah SWT. [6 markah ]

Maksud hadis "Kebaikan itu adalah akhlak yang mulia dan dosa adalah apa yang terasa mengganggu jiwamu, dan engkau tidak suka apabila diketahui manusia"  
[Hadis riwayat Muslim]

- 4 (a) (i) Apakah maksud akhlak. [2 markah]  
      (ii) Jelaskan **dua** ciri akhlak menurut Islam [4 markah]  
      (iii) Terangkan **dua** amalan akhlak Islam dalam kehidupan sesuai dengan syariat Islam. [4 markah]
- (b) (i) Senaraikan **empat** contoh akhlak mazmumah yang dibenci oleh Allah SWT. [4 markah]  
      (ii) Adik anda telah terpengaruh dengan rakan rakan yang merokok sehingga dia juga turut merokok.  
             Nyatakan tindakan anda. [6 markah]
- 5 (a) (i) Nyatakan maksud Rabbanjyyah. [2 markah]  
      (ii) Jelaskan **dua** keistimewaan prinsip pandangan hidup Islam dalam kehidupan manusia. [4 markah]  
      (iii) Apakah tindakan yang sepatutnya anda lakukan jika majikan anda melarang menutup aurat ketika bekerja bagi tujuan melaarkan jualan. [6 markah]
- (b) (i) Nyatakan pengertian murunah dan thabat beserta contoh. [4 markah]  
      (ii) Jelaskan **dua** ciri-ciri alamiyyah dalam kehidupan manusia menurut pandangan hidup Islam. [4 markah]

Maksud ayat " Sesungguhnya kami ciptakan manusia dalam bentuk yang sebaik baiknya." (surah at-Tin 95:4)

- 6 (a) (i) Terangkan maksud Insan. [2 markah]  
      (ii) Nyatakan **empat** proses kejadian manusia sebelum Allah SWT meniupkan roh kedalam tubuh janin. [4 markah]  
      (iii) Jelaskan **dua** keistimewaan manusia berbanding makhluk lain. [4 markah]
- (b) (i) Jelaskan **dua** tindakan yang patut anda lakukan untuk memelihara fitrah kejadian manusia sebagai hamba dan khalifah Allah SWT di muka bumi. [4 markah]  
      (ii) Terangkan akibat yang akan terjadi jika manusia menggunakan akal untuk berfikir Tanpa merujuk kepada al-Quran dan al-Hadis. [6 markah]